

Strategi Daya Tindak Mangsa Banjir: Kajian Kes Bencana Banjir Di Kelantan Disember 2014

Coping Strategies of Flood Victim: Case Study of Flood Disaster December 2014 in Kelantan

Noremy Md Akhir
Universiti Kebangsaan Malaysia

Rosmah Ahmad
Universiti Kebangsaan Malaysia

Azlinda Azman
Universiti Sains Malaysia

Nur Hafizah Md Akhir
Universiti Sains Malaysia

Corresponding author: noremy@ukm.edu.my

Dihantar/Received: 2 September 2019 | Diterima/Accepted: 1 Disember 2019

DOI: <https://doi.org/10.51200/jpks.v3i1.4023>

Pada Disember 2014, telah berlaku bencana banjir di Kelantan yang dianggap sebagai banjir terbesar dan terburuk di negeri tersebut selepas peristiwa banjir pada 1967. Kesan daripada banjir besar yang berlaku, mangsa banjir bukan sahaja mengalami kemusnahan fizikal seperti kemusnahan harta benda secara total malah turut berdepan dengan isu psikologikal. Berdasarkan tinjauan kajian terdahulu mendapati, strategi daya tindak merupakan faktor daya tahan yang dapat melindungi mangsa banjir daripada berhadapan dengan masalah psikologikal yang lebih kritikal. Oleh itu, kajian ini dijalankan adalah untuk meneroka strategi daya tindak yang digunakan oleh mangsa banjir yang kehilangan harta benda secara total kesan daripada banjir yang berlaku. Bagi menjalankan kajian ini, seramai 28 orang mangsa banjir yang mengalami kehilangan harta benda secara total telah dipilih dengan menggunakan kaedah persampelan secara bertujuan. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif di mana kajian kes dipilih sebagai reka bentuk kajian. Pemilihan informan adalah secara bertujuan dengan menggunakan kriteria inklusif. Dua sesi temu bual secara mendalam telah dijalankan secara berasingan sehingga data mencapai tahap ketepuan. Data yang diperolehi kemudiannya dianalisis menggunakan kaedah tematik analisis. Hasil daripada kajian yang dijalankan mendapati, empat strategi daya tindak yang digunakan oleh informan iaitu strategi daya tindak berfokuskan masalah, daya tindak berfokuskan emosi, daya tindak berasaskan agama dan daya tindak maladaptif. Informan yang menggunakan strategi daya tindak yang berkesan seperti daya tindak berfokuskan masalah, berfokuskan emosi dan daya tindak berasaskan agama secara positif telah menunjukkan daya tahan yang tinggi dan seterusnya membantu mereka dalam mencapai kesejahteraan fizikal dan psikososial selepas banjir. Walau bagaimanapun, informan yang gagal menggunakan strategi daya tindak yang berkesan seperti daya tindak berasaskan agama secara negatif dan daya tindak maladaptif dilihat mempunyai daya tahan yang rendah seterusnya memerlukan program intervensi khusus yang dapat membantu mereka dalam mencapai kefungsi sosial selepas banjir.

Kata kunci: strategi daya tindak, mangsa banjir, bencana banjir, Kelantan, Disember 2014

In December 2014, the major flood incident in Kelantan was considered as the huge and worst flood in Kelantan after the 1967 floods. As a result of the major floods, flood victims not only suffered from physical damage such as total property damage (total loss) but also encountered psychological issues. A number of literatures have highlighted coping strategies as one of the resilience factor that can actually protect the flood victims from experiencing psychological distress. There for the purpose of this study is to explore the coping strategies used by flood victims who have lost their property during the flood. To conduct this study, a total of 28 flood victims who suffered total loss of property were selected using purposeful sampling method. This study uses a qualitative approach where case studies are selected as research design. The informants was selected based on predetermined inclusion criteria. Two in-depth interview sessions were conducted separately until data reached saturation points. The data obtained were then analyzed using the thematic analysis. The results of this study found that four coping strategies used by informants were problem-focused coping, emotion-focused coping, religious coping and maladaptive coping. Informants who use effective coping strategies such as problem-focused coping, emotionally-focused coping and positively religious coping have shown high resilience and thus assist them in achieving physical and psychosocial well-being after the flood. However, informants who fail to use effective coping strategies such as negative religious coping and maladaptive coping are perceived as having low resilience and thus need specialized intervention programs that can assist them in achieving social functioning after the flood.

Keywords: coping strategie, flood victims, flood disaster, Kelantan, December 2014

Hampir setiap tahun, Kelantan akan menghadapi banjir disebabkan oleh keadaan bentuk muka bumi dan faktor cuaca di mana berlakunya peralihan Angin Monsun Timur Laut yang menjadi punca kepada taburan hujan lebat sehingga menyebabkan banjir (Wan Nik, 2015). Sungguhpun begitu, peristiwa banjir pada Disember 2014 di Kelantan adalah di luar jangka sehingga ia digelar sebagai ‘Bah Kuning’ dan diisytiharkan sebagai banjir terburuk dan terbesar di negeri tersebut selepas ‘Bah Merah 1967’. Bencana banjir ini telah menjejaskan hampir keseluruhan jajahan di negeri Kelantan di mana dianggarkan lebih 120,000 mangsa bencana banjir telah dipindahkan ke pusat pemindahan. Malah dilaporkan seramai 11 orang mangsa terkorban dan sebanyak 2374 rumah telah musnah sepenuhnya. Merujuk kepada Unit Perancang Ekonomi Negeri Kelantan (2015), kejadian banjir tersebut turut menyebabkan kerosakan aset kerajaan dan infrastruktur awam seperti kerosakan jalan raya, jambatan, landasan dan stesen kereta api serta kemusnahan alam sekitar sehingga menyebabkan kerajaan terpaksa menanggung kerosakan dan kerugian yang dianggarkan melebihi 1 bilion Ringgit Malaysia.

Malah, daripada kajian yang dijalankan oleh Noremy, Azlinda, Nazirah dan Nur Hafizah (2017), terdapat enam masalah utama yang dinyatakan oleh mangsa banjir akibat daripada peristiwa banjir besar yang berlaku pada Disember 2014 di Kelantan iaitu kemusnahan rumah dan harta benda; masalah kewangan dan hilang punca pendapatan; masalah psikologikal; masalah kesihatan; masalah dengan wakil penduduk serta masalah peribadi dengan ahli keluarga dan jiran tetangga yang telah menjejaskan kesejahteraan fizikal dan psikososial mereka. Ternyata selain daripada mengalami kehilangan harta benda secara fizikal, mangsa banjir turut berhadapan dengan masalah kemurungan dan trauma akibat daripada kejadian bencana banjir yang berlaku. Ini terbukti daripada data yang diperolehi daripada intervensi krisis dan sokongan psikologi yang dikendalikan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia (JKMM) mendapati seramai 14, 995 kanak-kanak dan 289 orang dewasa telah dikesan mengalami masalah kemurungan dan trauma kesan daripada kejadian banjir tersebut (Rohani, 2015). Malah menurut Brave dan Maria (2000), penderitaan emosi yang dialami oleh mangsa banjir juga telah mengundang kepada tekanan emosi dan masalah psikologikal yang boleh mengganggu daya tahan (resiliensi) seseorang individu untuk bangkit membina kehidupan baru selepas banjir.

Walau bagaimanapun, berdasarkan tinjauan kajian terdahulu mendapati faktor daya tahan (resilien) dikenal pasti dapat mengurangkan mangsa bencana daripada terdedah kepada masalah psikologi yang membimbangkan (Maruzairi, Mohd Zawari & Wan Nor Arifin, 2015; Mohd Dahlan et al., 2015; Nur Saadah et al. 2015). Misalnya kajian yang dijalankan oleh Maruzairi et al., (2015) ke atas 160 orang remaja sekolah yang terjejas akibat banjir di Kelantan mendapati hasil analisis soal selidik yang digunakan iaitu *Sense of Coherence SOC-M* dan *Trauma Screening Questionnaire TSQ-M* menunjukkan wujud hubungan korelasi yang negatif dengan trauma di mana mangsa banjir yang mempunyai daya tahan (resilien) yang tinggi akan mengalami kurang trauma. Sungguhpun begitu, faktor yang dikaitkan dengan resilien tidak dapat dijelaskan melalui kajian kuantitatif. Hal ini menyebabkan kumpulan penyelidik tersebut telah mencadangkan penggunaan

metode yang berbeza bagi mendapatkan data yang lebih mendalam (Maruzairi, Mohd Zawari, & Wan Nor Arifin, 2015). Oleh itu, kajian yang dijalankan ini adalah memfokuskan kepada meneroka strategi daya tindak yang digunakan oleh mangsa-mangsa banjir yang mengalami kehilangan harta benda secara total akibat daripada bencana banjir yang berlaku pada Disember 2014 di Kelantan.

Metode

Kajian ini dijalankan dengan menggunakan pendekatan kualitatif dan kajian kes sebagai reka bentuk kajian. Penyelidikan kualitatif adalah cenderung untuk menghasilkan data yang kaya dengan informasi tetapi kompleks kerana ia perlu ditafsir menurut pemahaman dari kajian literatur (teori) yang dijalankan oleh penyelidik di peringkat awal kajian (Siti Uzairiah, 2017). Kajian kualitatif turut memberi penumpuan kepada penerangan dan pemahaman yang jelas serta mendalam tentang sesuatu fenomena yang dikaji dan bukannya berdasarkan ukuran atau pengiraan. Manakala berdasarkan konteks kajian ini, reka bentuk kajian kes adalah proses pengumpulan maklumat secara mendalam dan sistematik tentang tingkah laku mangsa banjir (individu), bencana banjir (peristiwa khusus) atau keadaan sosial bagi mengetahui bagaimana sesuatu perubahan sosial dan tingkah laku itu berlaku (Norizan, 2016).

Pemilihan informan bagi kajian ini adalah berdasarkan teknik persampelan bertujuan. Informan telah dipilih secara bertujuan oleh penyelidik berdasarkan kriteria inklusif sepertimana yang telah ditetapkan seperti berikut:

1. Mangsa banjir yang mempunyai pengalaman terlibat dalam bencana banjir pada Disember 2014 di Kelantan
2. Mangsa banjir yang mengalami kehilangan harta benda secara total (*total loss*)
3. Berumur 18 tahun dan ke atas
4. Tidak mengalami masalah kesihatan mental dan
5. Merupakan warganegara Malaysia.

Seterusnya, teknik pengumpulan data yang digunakan adalah temu bual mendalam secara bersemuka dengan informan. Dua sesi temu bual secara berasingan yang dikendalikan selama 60 hingga 90 minit bagi setiap sesi telah dijalankan dengan setiap informan. Pada peringkat awal pengumpulan data, penyelidik telah menetapkan bilangan sampel adalah antara 25 hingga 30 orang. Namun, setelah penyelidik menemui bual informan yang ke-26, penyelidik telah berpuas hati dengan maklumat yang diperolehi memandangkan ia telah meliputi semua objektif dan dimensi yang dikehendaki oleh kajian. Oleh itu, penyelidik telah menemui bual informan ke-27 dan informan ke-28 bagi mengesahkan tiada penemuan maklumat atau tema baru terhasil daripada temu bual yang dikendalikan. Akhirnya bilangan sampel kajian dianggap telah mencapai tahap ketepuan data (*saturation point*) dan diyakini telah mencukupi dari segi maklumat yang diperolehi dengan jumlah sampel sebanyak 28 orang informan. Ketika proses pengumpulan data dijalankan, instrumen yang digunakan adalah panduan soalan yang mengandungi soalan berbentuk semi struktur dan penyelidik sendiri bertindak sebagai instrumen kajian. Segala perbualan bersama informan telah direkodkan

dengan menggunakan alat perakam suara dengan keizinan informan. Malah bagi memenuhi etika penyelidikan, informan telah diminta menurunkan tandatangan sebagai tanda persetujuan untuk terlibat dalam kajian secara sukarela dengan mengisi borang Persetujuan Penyertaan Penyelidikan bagi melindungi identiti dan menjaga kerahsiaan informan. Maklumat temu bual yang diperolehi (bentuk suara) telah diubah ke bentuk transkrip verbatim

(bertulis) dan seterusnya dianalisis menggunakan teknik analisis tema sepertimana yang disarankan oleh Braun dan Clarke (2006). Ia meliputi lima proses utama iaitu pengkaji membiasakan diri dengan data, menghasilkan kod awal, mencari tema, mengkaji tema dan seterusnya mentakrif serta menamakan semula tema. Rumusan metode yang digunakan diringkaskan seperti jadual 1.0 berikut:

Jadual 1

Rumusan Metod Kajian

Kaedah kajian	Kajian Kualitatif
Reka bentuk kajian	Kajian kes
Teknik persampelan kajian	Persampelan bertujuan
Bilangan sampel/informan	28 orang mangsa banjir <i>total loss</i>
Teknik pengumpulan data	Temu bual mendalam secara bersemuka
Instrumen kajian	Panduan soalan (semi struktur)
	Pengkaji
Teknik analisis data	Analisis tema

Demografi Informan

Kajian ini melibatkan 28 orang mangsa banjir yang mengalami kemusnahan rumah dan harta benda secara total (*total loss*) akibat bencana banjir yang berlaku pada Disember 2014 di negeri Kelantan. Daripada jumlah keseluruhan informan, terdapat 16 orang informan perempuan dan 12 orang informan lelaki telah mengambil bahagian dalam kajian yang dijalankan ini. Seramai 26 orang informan berbangsa Melayu dan beragama Islam serta dua orang informan berbangsa Cina dan beragama Buddha (informan 2 dan informan 12) secara sukarela telah terlibat dalam kajian ini. Manakala julat umur bagi informan yang terlibat dalam kajian ini adalah antara umur 24 sehingga 91 tahun di mana majoriti daripadanya adalah berumur antara 40 hingga 49 tahun. Daripada jumlah 28 orang informan, dua daripadanya adalah individu orang kurang upaya (OKU), empat orang informan adalah warga emas iaitu berumur 60 tahun ke atas dan lima orang informan berstatus ibu tunggal. Selain daripada itu, majoriti informan dalam kajian ini mendapat pendidikan di sekolah menengah, lima orang informan mendapat pendidikan di sekolah rendah dan tiga orang informan tidak pernah bersekolah disebabkan oleh kesempitan hidup dan kebanyakan daripada mereka adalah penduduk setinggan. Majoriti informan berasal dari negeri Kelantan iaitu seramai 26 orang. Manakala, seorang berasal dari negeri Terengganu dan seorang berasal dari negeri Sabah, namun masing-masing berkahwin dengan pasangan yang berasal dari negeri Kelantan.

Memandangkan kebanyakan informan tidak mempunyai latar belakang pendidikan yang tinggi maka majoriti daripada mereka bekerja sendiri dengan memperoleh pendapatan yang tidak tetap seperti menjalankan perniagaan sendiri seperti membuka kedai runcit (peniaga kecil), peniaga perabot, mekanik bengkel kereta, penoreh getah, pengusaha kantin sekolah serta menjual makanan siap di masak, kuih-muih dan minuman ringan (penjual makanan). Namun, terdapat juga sebilangan kecil informan yang menerima pendapatan bulanan seperti buruh kasar, pembantu kedai, tukang kebun sekolah, pembantu rumah dan *house keeping* di hotel budget di sekitar tempat tinggal mereka. Jadual 2.0 berikut adalah ringkasan demografi informan yang terlibat dalam kajian ini:

Jadual 2
Demografi Informan Kajian

Informan (I)	Jantina	Umur	Pendidikan	Pekerjaan
1	Perempuan	63	Tidak sekolah	Tidak bekerja
2	Lelaki	77	Sekolah rendah	Tidak bekerja
3	Perempuan	40	Sekolah rendah	<i>House keeping</i>
4	Perempuan	91	Tidak sekolah	Tidak bekerja
5	Lelaki	45	Sekolah menengah	Pengusaha kantin
6	Lelaki	41	Sekolah menengah	Mekanik
7	Perempuan	29	Sekolah menengah	Penjual makanan
8	Perempuan	51	Sekolah rendah	Pembantu rumah
9	Lelaki	66	Sekolah rendah	Bekerja sendiri
10	Perempuan	47	Sekolah menengah	Penoreh getah
11	Perempuan	42	Sekolah menengah	Pembantu kedai
12	Lelaki	54	Sekolah menengah	Peniaga perabot
13	Lelaki	49	Sekolah menengah	Buruh kasar
14	Perempuan	48	Sekolah menengah	Peniaga kecil
15	Lelaki	51	Sekolah menengah	Buruh kasar
16	Lelaki	56	Sekolah menengah	Peniaga kecil
17	Perempuan	47	Sekolah menengah	Penjual makanan
18	Perempuan	40	Sekolah menengah	Pembantu kedai
19	Lelaki	24	Sekolah menengah	Pembantu kedai
20	Perempuan	44	Sekolah menengah	Penjual makanan
21	Lelaki	45	Sekolah menengah	Buruh kasar
22	Perempuan	36	Sekolah menengah	Pembantu kedai
23	Perempuan	47	Tidak sekolah	Penjual makanan
24	Lelaki	36	Sekolah menengah	Tukang kebun sekolah
25	Lelaki	54	Sekolah menengah	Penoreh getah
26	Perempuan	30	Sekolah menengah	Penoreh getah
27	Perempuan	42	Sekolah menengah	Penjual makanan
28	Perempuan	47	Sekolah rendah	Tidak bekerja

Hasil Dapatan Kajian dan Perbincangan

Strategi daya tindak adalah satu tindakan khusus yang dilakukan oleh seseorang individu dalam bentuk tingkah laku atau pemikiran (kognitif) secara sadar mahupun tidak dengan tujuan untuk mengurangkan atau menghilangkan situasi tekanan atau ancaman yang terhasil daripada interaksi individu dengan sistem persekitarannya (Chaplin, 2004). Menurut Brown, Challagalla dan Westbrook (2005), dengan menggunakan strategi daya tindak yang berkesan, seseorang individu mampu untuk mengawal tekanan emosi dengan baik, menyelesaikan masalah dan seterusnya

memandu individu tersebut ke arah pencapaian matlamat dalam menangani sesuatu krisis yang dihadapi. Oleh yang demikian, adalah perlu untuk meneroka bentuk strategi daya tindak yang digunakan oleh informan ketika berhadapan dengan kehilangan harta benda secara total akibat bencana banjir. Hasil daripada kajian yang dijalankan ini mendapati terdapat empat jenis strategi daya tindak yang digunakan oleh informan iaitu dengan menggunakan daya tindak berfokuskan kepada masalah, daya tindak berfokuskan kepada emosi, daya tindak berasaskan agama dan daya tindak maladaptif. Ianya akan dibincangkan secara terperinci seperti berikut:

1. Daya Tindak Berfokus kepada Masalah

Sebahagian kecil daripada informan yang terlibat dalam kajian ini menggunakan daya tindak berfokus kepada masalah ketika berhadapan dengan masalah selepas banjir. Bagi informan ke-5, setelah mendapati kewangan adalah isu utama yang dihadapi selepas banjir, informan terus mengambil inisiatif dengan mencari peluang perniagaan di pasar minggu dan pasar malam di sekitar tempat tinggalnya. Informan bertindak mencari penyelesaian yang dihadapi dengan membuat pinjaman daripada Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM) untuk membeli sebuah van sebagai pengangkutan dan menggunakan wang yang disumbangkan oleh orang ramai untuk dijadikan sebagai modal awal bagi memulakan perniagaannya. Berikut adalah petikan temu bual individu berhubung isu ini:

“Loni meme pah banjir masalah yea buak ambo terteke adalah pith. Tu hajak nok mejual di pasa male denge pasa minggu. Walau skali seminggu tapi ore meme rama gi sano, tu kiro peluwe yea ambo nampok. Muju Amanoh (AIM) ado begi pinjame untuk ore banjir, bulih la niago ni. Ado batuwe pith ore begi ambo simpe sikit-sikit. Meme ambo nok sangat niago pasa male, tu yea nok gi beli van. tapi keno beli cash. Tu yea masuk Amanoh. Denge usaho yang ambo buak ni, InshaAllah bulih la bantu kehidupe ambo sekelurgo pas banjir ni.”

(Informan 5)

Begitu juga dengan informan ke-19, bagi mengelakkan daripada merasa tertekan dengan masalah kewangan yang dihadapi selepas banjir, informan mengambil keputusan untuk berniaga makanan dan minuman ringan bagi meneruskan kelangsungan hidup. Walaupun informan mengakui bahawa keuntungan yang diperolehi tidak sebesar mana namun mengakui itu adalah jalan penyelesaian yang difikirkan terbaik bagi diri dan keluarganya memandangkan menurut informan bukan mudah untuk mencari pekerjaan baru selepas banjir ditambah pula informan tidak mempunyai latar belakang pendidikan yang tinggi. Oleh itu, perniagaan kecil-kecilan yang diusahakan itu dirasakan mampu menyelesaikan masalah yang dihadapi pada ketika itu. Berikut adalah pernyataan informan tentang perkara ini:

“Ambo jual minume ringe gini lah, ais banded, dari duk sajo key. Bulih lah, nok kato unto banyok tu dok lah tapi gak dari tok bulih gapo, ni masuk jugok semas serial tiap hari kalu kito niago. Kade-kade lebih, kade-kade sikit, takpo lah janji bulih jugok dari duk sajo deh. Sa lagi, Loni key susah nok caghi kijo, tapi hari-hari kito nok keno guno pith jadi keno usho srupo mano nok bulih pith tu. Srupo ambo buak maso ni ambo niago lah kecik-kecik gini. Biarlah buke unto besa mano janji ado pith masuk hari-hari. Mugo kito nok kijo denge ore pung gaji tok besa mano, nok kijo lain pung buke sekolah tinggi. Kalu niago ni, ore membeli setiap hari. Jadi pith tu bulih hari-hari jugok, jadi bulih la bantu kito nok belanjo ari-ari untuk kluargo.”

(Informan 19)

Usaha dan tindakan yang dilakukan oleh informan 5 dan informan 19, jelas menunjukkan informan menggunakan pendekatan strategi daya tindak yang berfokus kepada masalah bagi menyelesaikan masalah yang dihadapi selepas banjir. Informan berjaya memikirkan tindakan yang mampu mengubah sumber tekanan dan seterusnya mengambil tindakan bagi mengatasi masalah

yang dihadapi pada ketika itu. Strategi daya tindak yang berfokus kepada masalah adalah cara menghadapi masalah dengan mengubah punca tekanan dengan bertindak serta-merta atau menyelesaikannya dengan kadar segera (Folkman, 1984). Malah informan yang menggunakan strategi daya tindak ini akan membuat pertimbangan dan penilaian tentang permasalahan yang dihadapi, mengubah sumber tekanan serta mengambil inisiatif dengan memikirkan penyelesaian bagi mengurangkan tekanan yang dihadapi (Folkman, Lazarus, Dunkel-Schetter, DeLongis, & Gruen, 1986; Frydenberg, 1997).

Berdasarkan kajian yang dijalankan oleh Chao (2011) mendapati strategi daya tindak yang berfokus kepada masalah mempunyai kaitan dengan tekanan dan kesejahteraan hidup seseorang individu. Jika individu mempunyai daya tindak yang berfokus kepada masalah yang tinggi, maka ia akan membantu individu tersebut untuk mengekalkan kesejahteraan hidup ketika berada dalam situasi tertekan dan begitu juga sebaliknya. Kajian Sarid et al. (2004) turut menunjukkan wujud hubungan yang positif antara strategi daya tindak yang berfokus kepada masalah dengan kesejahteraan hidup seseorang individu. Mereka yang menggunakan daya tindak yang berfokus kepada masalah ketika menyelesaikan masalah adalah cenderung menjadi lebih optimistik. Ini adalah kerana individu yang berada dalam situasi tertekan, akan sedaya upaya menyelesaikan masalah dengan matlamat untuk mengekalkan kesejahteraan hidup mereka. Oleh itu, jelas menunjukkan keupayaan untuk mencapai kesejahteraan hidup amat bergantung kepada penggunaan strategi daya tindak yang berfokus kepada masalah.

2. Daya Tindak Berfokus kepada Emosi

Daripada kajian yang dijalankan mendapati sebahagian besar informan menggunakan daya tindak berfokus kepada emosi ketika berhadapan dengan masalah selepas banjir. Bagi informan ke-13, walaupun informan mengaku sedih apabila mengetahui rumahnya musnah akibat banjir namun informan berjaya menolak perasaan sedih tersebut dari terus menghantui dirinya dengan mengubah kepada pemikiran yang lebih positif. Bagi informan kesedihan berpanjangan tidak mampu mengembalikan rumah dan harta bendanya semula. Oleh itu, informan mengambil keputusan untuk melihat kejadian bencana banjir yang menimpa dirinya secara positif. Informan mengaku tidak melihat apa yang berlaku sebagai malapetaka sebaliknya melihat dari sudut yang lebih positif seperti banyak bantuan yang diterima selepas banjir. Berikut adalah petikan temu bual individu berhubung isu ini:

“Kito pikir yea molek-molek ja mugo ado hikmohnyo. Mogo-mogo ado lah yea lebih baik ke depe-depe tu nanti deh. Mano tahu nok bulih yea lebih baik lagi di maso depe, kito dok tahu, iyo dok? Tapi mulo-mulo tu meme kejuk jugok lah tapi gak nok sedih pung buak gapo key. Ambo tokse aggap banjir ni srupo malotako ka, dok!! Ambo mikir banyok hikmoh benamyo dari banjir ni. Srupo batuwe yea kito dapak tu key, banyok sungguh lah, kade-kade tu melebihi-lebih batuwe ore begi ke kito.”

(Informan 13)

Kaedah mentafsir semula keadaan tertekan secara positif (*positive reappraisal*) merupakan antara teknik dalam mengurus tekanan emosi (Lazarus & Folkman, 1984). Malah walaupun ternyata ia tidak mampu untuk

menyelesaikan masalah yang dihadapi namun strategi daya tindak ini dilihat mampu membantu individu untuk mentafsirkan situasi tekanan dengan cara yang lebih positif sehingga mampu memandu mangsa banjir untuk terus kekal berdaya tahan dalam menangani apa jua masalah yang dihadapi selepas banjir (Khoshtinat, 2012).

Manakala bagi informan ke-24, beliau mengambil pendekatan dengan menerima bencana banjir yang berlaku dan tidak mahu berfikir tentang masalah dan kesedihan yang dihadapi kerana merasakan ia hanya akan menambah kekusutan pada dirinya. Informan sebaliknya cenderung untuk meneruskan kehidupan seperti biasa dan berfikir ke hadapan. Dengan menerima kejadian bencana banjir yang berlaku telah membantu informan lebih tenang dalam menghadapi kehidupan selepas banjir. Berikut adalah pernyataan informan tentang perkara ini:

“Ambo ni meme lagu ni, lebih baik tokse memikir, kito trimo apo yea blaku dan buak srupo biaso pikir ke depe! Tok yoh pikir banyak, buak srabut ja. Kalu ambo, kito trimo sajo apo yea blaku. Lebih tene hidup kito gitu.”

(Informan 24)

Merujuk kepada Khoshtinat (2012), penerimaan adalah tindak balas yang menunjukkan keupayaan dan kefungsi individu untuk menerima situasi tekanan yang berlaku dan berusaha untuk menangani situasi yang menekankan. Penerimaan berlaku apabila individu merasakan kejadian yang berlaku lebih mampu untuk ditanggung berbanding berusaha untuk mengubah tekanan tersebut (Carver, Scheier, & Weintraub, 1989). Penyelidik mendapati informan yang menggunakan strategi daya tindak yang berfokuskan kepada emosi ini didapati kurang menunjukkan masalah emosi dan tingkah laku kerana ternyata informan berjaya mengurus emosi dengan baik sehingga mampu menghalang kepada tindakan atau tingkah laku yang agresif. Ini selari dengan kajian yang dijalankan oleh Wadsworth dan Compa (2002) yang mendapati individu yang menggunakan strategi daya tindak yang berfokuskan kepada emosi kurang menunjukkan masalah kemurungan dan kebimbangan serta kurang mempamerkan tingkah laku agresif.

3. Daya Tindak Berasaskan Pendekatan Agama

Berdasarkan hasil dapatan kajian, terdapat dua jenis daya tindak berasaskan pendekatan agama yang digunakan oleh informan iaitu secara positif dan negatif. Sebahagian informan menggunakan pendekatan agama secara positif manakala minoriti informan menggunakan pendekatan agama secara negatif. Informan ke-3 adalah antara yang menggunakan daya tindak berasaskan pendekatan agama secara negatif di mana informan sering mempertikaikan mengapa Tuhan memusnahkan rumah yang menjadi perlindungan kepada beliau dan keluarganya. Informan merasakan seolah-olah Tuhan bersikap kejam kepada dirinya dengan menyatakan kesan daripada bencana banjir yang berlaku telah menjadikan kehidupan informan dan keluarganya semakin sukar dan menderita selepas bencana banjir yang berlaku. Berikut adalah petikan temu bual individu berhubung isu ini:

“Kak tahu tuhe berhok tuk tentu key segalo-galonyo tapi gak kade-kade kak terfikir jugok, dale banyak-banyak bendo yea kito ado bakpo lah tuhe ambik rumoh kito. Bendo yea paling petea tuk kito. Ni Dio (Tuhan) ambik rumoh. Tu yea buak

Kak raso tuhe tu srupo keje ke kak. Tuhe nok hukum kak bare kali. Kito ni doh la hidup susah, loni bertambah-tambah la susahnyo pas banjir.”

(Informan 3)

Manakala informan yang menggunakan daya tindak berasaskan pendekatan agama secara positif adalah informan ke-7 di mana menurut informan apabila berada dalam keadaan sedih beliau akan mengambil pendekatan dengan memohon ketenangan dan berdoa kepada Tuhan. Informan yakin sekiranya manusia menjaga hubungan dengan Tuhan (Allah S.W.T.) pasti akan diberi ketenangan dan dibantu dalam mengharungi susah dan senang dalam kehidupan. Berikut adalah pernyataan informan tentang perkara ini:

“Kalu sedih kito keno ingak ke tuhe banyak lah. Mohon ketenange dari dio. Gitu lah yea ambo buak. Cayo pado rezki Allah, kito jago hubunge kito denge Allah Taala. Insyallah Allah Taala ake bantu kito, begi ketenange pado kito.”

(Informan 7)

Perkara yang sama turut dikongsikan oleh informan ke-27 di mana informan mengakui lebih mendekati Tuhan (Allah S.W.T.) selepas bencana banjir yang berlaku. Informan mencari kekuatan diri dan ketenangan dengan sering mengunjungi masjid dan berdoa kepada Tuhan (Allah S.W.T.). Menurut informan sebelum banjir beliau terlalu sibuk dengan urusan perniagaannya sehingga jarang ke masjid. Namun, selepas kejadian banjir yang berlaku, informan mengakui kini beliau lebih dekat dengan Tuhan (Allah S.W.T.) dengan melakukan solat hajat pada waktu malam kerana yakin Tuhan akan sentiasa bersama orang-orang yang sentiasa mengingati-Nya. Berikut adalah petikan temu bual individu berhubung isu ini:

“Tapi pah banjir ni kak lebih dekap diri denge Dio (Allah). Kak gi masjid. Alhamdulillah, Dio (Allah) begi kekuate pado kak, kak mintok sokmo. Dulu sibuk denge dunia, kijo menjual duk ingak ke dunia ja, ingak ke Dio (Allah) tapi gak kalu nok gi rumoh Dio (Masjid) tu jare-jare, iyo dok? Loni muju lah Dio buak turun bencano gini kak raso lebih dekap denge Dio (Allah). Tu lah hikmohnyo. Male-male kak bangun buak solat hajat, mintok ke Dio begi kekuate. Alhamdulillah, Dio begi. Kak cayo Allah ado, Dio dok zalim, kalu kito ingak ke Dio. Mikir gitu lah, loni okay lah Alhamdulillah.”

(Informan 27)

Menurut Ano dan Vasconcelles (2005), informan yang menggunakan daya tindak berasaskan pendekatan agama secara negatif adalah apabila mereka yang mempunyai perasaan ragu dan sangsi terhadap kepercayaan agama dengan cara mengkritik, mempersoalkan dan menunjukkan rasa tidak setuju terhadap apa yang berlaku ke atas dirinya. Manakala informan yang menggunakan daya tindak berasaskan pendekatan agama secara positif pula adalah dengan menjadikan agama sebagai sumber sokongan kerohanian, mencari hikmah dan makna di sebalik peristiwa banjir yang berlaku dan menerima perkara yang berlaku sebagai suatu ketentuan oleh Pencipta (Tuhan).

Individu yang menggunakan daya tindak berasaskan pendekatan agama secara negatif, dilihat menunjukkan tingkah laku yang agresif tetapi cenderung untuk bertindak secara pasif atau dikenali sebagai maladaptif (Exline & Rose, 2005). Ini terbukti dengan hasil kajian yang dijalankan ini mendapati informan yang menggunakan

pendekatan daya tindak berasaskan pendekatan agama secara negatif cenderung untuk menunjukkan rasa marah dengan meluahkan rasa kecewa dan tidak berpuas hati serta merasakan seolah-olah Tuhan bersikap kejam ke atas dirinya. Kesannya, informan dilihat menghadapi masalah penyesuaian selepas banjir dan menunjukkan simptom psikologikal yang membimbangkan.

Bagi informan yang menggunakan daya tindak berasaskan pendekatan agama secara positif mempunyai keyakinan dan kepercayaan yang kuat kepada Tuhan (Allah S.W.T.). Mereka yang menyerahkan diri kepada Tuhan pasti akan dapat mencapai ketenangan jiwa dan mampu menghalang informan tersebut daripada menunjukkan masalah tingkah laku dan emosi yang memudaratkan. Ini selari dengan kajian oleh Mohd Dahlan, Ferlis, Ida Shafinaz, Adi, dan Zatul Karamah (2015) yang mendapati strategi daya tindak yang menggunakan elemen spiritual dan keagamaan dapat membantu mangsa banjir meningkatkan daya tahan mereka. Malah Wang, Chen, dan Chen (2013) turut bersetuju dengan menyatakan kepercayaan terhadap agama dan elemen spiritual telah menyediakan ketenangan jiwa dan emosi kepada individu yang berpegang kepadanya sewaktu berhadapan dengan situasi krisis seperti bencana banjir.

4. Daya Tindak Maladaptif

Majoriti informan dalam kajian ini menggunakan daya tindak maladaptif. Hasil kajian yang dijalankan mendapati terdapat tiga tingkah laku maladaptif yang kurang berkesan ditunjukkan oleh informan iaitu terlalu menumpukan kepada mengekspresikan emosi negatif yang tidak menyenangkan, pengelakan tingkah laku dan pengelakan mental bagi menghilangkan tekanan atau masalah yang dihadapi. Bagi informan yang menumpukan kepada mengekspresikan emosi negatif, kebanyakan informan bertindak meluahkan rasa kekecewaan yang dialami dengan perasaan marah kepada diri dan situasi yang dialami serta kadangkala turut melepaskan kemarahan kepada orang lain. Menurut informan ke-10, beliau sedih dengan kemusnahan yang dialami sehingga mengakui marah dengan situasi yang dialami akibat terlalu kecewa dan tertekan. Informan turut menyalahkan dirinya dan mengaku masih tidak dapat memaafkan dirinya dan sering berasa bersalah di atas apa yang telah berlaku kepada diri dan keluarganya. Berikut adalah pernyataan informan tentang perkara ini:

“Sampa lani ambo raso tekile denge apo yea blaku. Smuo yea blaku ni salah ambo la. Ambo yea lambak.. Ishhh kalau bulih patoh balik maso ambo meme nok ambik smuo bare petea yea ado dale rumoh tu. Kalu ingak smulo ambo meme raso srupo tok leh nok maaf key diri ambo sediri. Meme raso besalah benar lah.”

(Informan 10)

Menurut Lischetzke dan Eid (2003), dalam keadaan tertentu, pendekatan melepaskan emosi negatif kadangkala boleh membawa manfaat sekiranya ia bertujuan untuk merawat emosi tersebut. Sungguhpun begitu, ia juga boleh mengundang kepada kesan yang memudaratkan jika emosi negatif tersebut berpanjangan dan ditambah dengan tekanan lain. Malah sekiranya individu mengekspresikan emosi negatif sebagai tumpuan verbal terhadap pengalaman negatif yang dikonseptualisasikan sebagai rumusan kognitif, maka individu tersebut sering dikaitkan dengan tahap kemurungan yang lebih tinggi (Ashton et al., 2005).

Manakala bagi informan ke-12, akibat terlalu tertekan dengan kerugian perniagaan yang dialami kesan daripada banjir yang berlaku, informan mengaku tidak bercadang untuk mencari pekerjaan lain kerana terlalu sedih dengan apa yang berlaku. Selepas banjir, informan mengaku lebih cenderung untuk mengasingkan diri dan mengelak daripada berjumpa dengan sesiapa sahaja kerana terlalu sedih, malu dan kecewa dengan nasib yang menimpa dirinya. Berikut adalah petikan temu bual individu berhubung isu ini:

“Ambo rugi banyak maso banjir baru ni. Raso sakit dio srupo tokse caghi kijo lain doh. Tokse buak gapo-gapo doh sebak sedih benar, sakit sangat. Jadi lani ambo meme dok leh nok kijo lagi. Ambo duk sore-sore di rumah ja. Malah nok tubik. Tokse jumpo ore sebak kito raso srupo malu, sedih denge nasib kito sediri.”

(Informan 12)

Manakala menurut informan pertama, bagi mengurangkan tekanan yang dialami, informan mengambil pendekatan dengan mengelakkan dirinya daripada memikirkan kejadian banjir yang berlaku dengan melakukan aktiviti lain seperti tidur dan berharap apabila informan terjaga daripada tidur, beliau mampu melupakan segala masalah dan tekanan yang dihadapi. Berikut adalah pernyataan informan tentang perkara ini:

“Mokcik malah nok memikir apo yea doh blaku ni. Lagi kito pikir lagi kito sakit palo. Jadi mokcik buak tok tahu, mokcik gi la buak gapo-gapo pung, gi tido ka. Bilo mokcik bangun dari tido tu harak-harak masalah kito tu bulih lupo la bentar.”

(Informan 1)

Informan yang menggunakan strategi daya tindak jenis ini cenderung untuk mengurangkan tekanan yang dialami tetapi hasilnya tidak produktif malah berpotensi kepada berlaku ketidakfungsian kepada mangsa banjir. Ini kerana informan yang menggunakan daya tindak jenis ini dikenal pasti mampu meredakan kebimbangan dan kegelisahan dalam jangka masa yang pendek namun tidak membantu informan untuk mengatasi tekanan yang dialami dalam jangka masa panjang. Ia juga dikatakan sebagai tingkah laku yang tidak produktif kerana individu sebenarnya tidak melakukan apa-apa yang mampu mengurangkan masalah atau tekanan yang dihadapi. Menurut Carver dan Scheier (1994), penyingkiran mental merangkumi pelbagai aktiviti yang bertujuan untuk mengalihkan pemikiran daripada memikirkan sesuatu masalah yang dihadapi dengan melakukan aktiviti seperti tidur, berangan-angan atau berfantasi dan menonton wayang atau televisyen. Ia bertujuan untuk mengalihkan pemikiran daripada mengalami kebimbangan.

Secara keseluruhannya, terdapat empat jenis daya tindak yang digunakan oleh informan dalam kajian ini iaitu sebahagian kecil informan menggunakan strategi daya tindak yang berfokuskan kepada masalah, sebahagian besar informan menggunakan daya tindak yang berfokuskan kepada emosi, sebahagian daripada informan menggunakan daya tindak yang berasaskan pendekatan agama secara positif dan minoriti informan menggunakan pendekatan agama secara negatif dan majoriti informan menggunakan strategi daya tindak maladaptif yang merangkumi ekspresi emosi negatif yang tidak menyenangkan, pengelakan tingkah laku dan pengelakan mental yang dilakukan bagi menghilangkan tekanan atau masalah yang dihadapi selepas banjir.

Kesimpulan

Kesimpulannya, kemahiran daya tindak yang digunakan oleh informan amat penting dalam menangani situasi krisis seperti bencana banjir. Kanel (2007) dalam Teori Intervensi Krisis turut mencadangkan bahawa persepsi kognitif terhadap peristiwa yang berlaku perlu diubah. Sekiranya mangsa bencana melihat bencana (krisis) sebagai peluang maka ia akan meningkatkan kemahiran daya tindak dengan berkesan. Penyelidik mendapati informan yang menggunakan strategi daya tindak yang berfokuskan kepada masalah, berfokuskan kepada emosi dan berasaskan pendekatan agama secara positif mampu menyelesaikan masalah yang dihadapi dengan lebih berkesan berbanding informan yang menggunakan daya tindak berasaskan pendekatan agama secara negatif dan daya tindak maladaptif. Dengan menggunakan daya tindak yang berkesan, ia membolehkan individu mengawal tekanan emosi dengan baik, menyelesaikan masalah dan seterusnya memandu individu ke arah pencapaian matlamat dalam mengatasi krisis yang berlaku.

Kajian yang dijalankan ini mempunyai implikasi terhadap peranan dan pelaksanaan program yang bersesuaian oleh pihak perkhidmatan dan pemulihan selepas bencana dalam membantu memperkasakan mangsa banjir. Pendekatan pemulihan sendiri melalui kemahiran daya tindak yang berkesan adalah pendekatan terbaik dalam membantu mangsa banjir. Mereka tidak wajar dilihat sebagai objek pasif yang hanya menerima bantuan sahaja sebaliknya mangsa banjir perlu dilibatkan di semua peringkat dalam pengurusan bencana dengan memperkenalkan konsep 'Pengurusan Bencana Berasaskan Komuniti' atau *Community Based Disaster Management* (CBDM) yang memberi fokus kepada pembangunan dan pemerikasaan komuniti berdaya tahan melalui pemerikasaan pendidikan dan kesiapsiagaan kepada komuniti dalam menghadapi bencana.

Penghargaan

Penulisan ini adalah menggunakan sebahagian daripada geran penyelidikan Geran Galakan Penyelidik Muda (GGPM) Universiti Kebangsaan Malaysia: Kod geran GGPM-2019-040.

Rujukan

- Ano, G. G., & Vasconcelles, E. B. (2005). Religious coping and Psychological adjustment to stress: A meta-analysis. *Journal Clinical Psychology*, 61, 1–20.
- Ashton, E., Vosvick, M., Chesney, M., Cheryl, G. F., Koopman, C., O'shea, K., Maldonado, J., Bachmann, M.H., Israelski, D., Flamm, J., & Spiegel, D. (2005). Social support and maladaptive coping as predictors of the change in physical health symptoms among persons living with HIV/AIDS. *AIDS Patient and STDs*, 19(9), 587–598.
- Badiah, Y., Sulaiman, B., Rohaya, H., Mohd Zaidi, M. Z., & Rohailina, R. (2009). Kesan psikologi ke atas mangsa banjir di negeri Johor. *Malaysian Journal of Community Health*, 15, 79–87.

- Becker-Blease, K. A., Turner, H. A., & Finkelhor, D. (2010). Disaster, victimization and children' mental health. *Child Development*, 81(4), 1040–1052.
- Braun, V., & Clarke, V. (2006). Using thematic analysis in psychology. *Qualitative Research in Psychology*, 3(2), 77–101.
- Brave, H., & Maria, Y. H. (2000). Wakiksuyapi: Carrying the historical trauma of the Lakota. *Tulane Studies in Social Welfare*, 21(22), 245–266.
- Brown, S. P., Westbrook, R. A., & Challagalla, G. (2005). Good cope, bad cope: Adaptive and maladaptive coping strategies following a critical negative work event. *Journal of Applied Psychology*, 90(4), 792–798.
- Carver, C. S., & Scheier, M. F. (1994). Situational coping and coping dispositions in a stressful transaction. *Journal of Personality and Social Psychology*, 66(1), 184–195.
- Carver, C. S., Scheier, M. F., & Weintraub, J. K. (1989). Assessing coping strategies: A theoretically based approach. *Journal of Personality and Social Psychology*, 56(2), 267–283.
- Chao, R. C. (2011). Managing stress and maintaining well-being: Social support, problem focused coping and avoidant coping. *Journal of Counseling and Development*, 89, 338–348.
- Chaplin, J. P. (2004). *Kamus lengkap psikologi*. Jakarta: Raja Grafindo Persada.
- Exline, J. J., & Rose, E. (2005). Religious and spiritual struggles. In R. F. Paloutzian, & C. L. Park, (Eds.), *Handbook of the psychology of religion and spirituality* (ms. 315–330). New York: Guilford.
- Folkman, S., Lazarus, R. S., Dunkel-Schetter, C., DeLongis, A., & Gruen, R. J. (1986). Dynamics of a stressful encounter: Cognitive appraisal, coping, and encounter outcomes. *Journal of Personality and Social Psychology*, 50, 992–1003.
- Folkman, S. (1984). Personel control and stress and coping processes: A theoretical analysis. *Journal of Personality and Social Psychology*, 46(40), 839–858.
- Frydenberg, E. (1997). *Adolescent coping: Research and theoretical perspectives*. London, England: Routledge.
- Kanel, K. (2007). *A guide to crisis intervention* (3rd ed.). California: Thomson Brooks Cole.
- Khoshtinat, V. (2012). A review on relationship between religion, spirituality, spiritual transcendent, spiritual intelligence with religious coping. *International Research Journal of Applied and Basic Sciences*, 3(9), 1916–1934.
- Lazarus, R. S., & Folkman, S. (1984). Stress, appraisal and coping. In C. S. Carver, M. F. Scheier, & J. K. Weintraub. Assessing coping strategies: A theoretically based approach. *Journal of Personality and Social Psychology*, 56(2), 267–283.
- Lischetzke, T., & Eid, M. (2003). Is attention to feeling beneficial or detrimental to affective well-being? Mood regulation as a moderator variable. *Emotion Journal*, 3, 361–377.
- Maruzairi, H., Mohd Zawari, M. N., & Wan Nor Arifin, W. M. (2015). Exploring emotion disasters and resilience in adolescent affected by flood in Kelantan and the development of peer support group for trauma module. Laporan Akhir Persidangan Kajian Bencana Banjir 2014 (ms. 244-247). Universiti Teknologi Malaysia: Kementerian Pendidikan Tinggi.

- Mohd Dahlan, A. M., Ferlis, B., Ida Shafinaz, M. K., Adi, F., & Zatul Karamah, A. B. U. (2015). Kajian pengalaman berhadapan dengan bencana: Ke arah pembentukan modul psikologi pengurusan psikososial bencana di Malaysia. *Laporan Akhir Persidangan Kajian Bencana Banjir 2014, Universiti Teknologi Malaysia: Kementerian Pendidikan Tinggi*, ms. 282–284.
- Noremy, M. A., Azlinda, A., Nazirah, H., & Nur Hafizah, A. (2017). Kajian penelitian masalah mangsa bencana banjir Disember 2014 di Kelantan. *Journal of Social Sciences and Humanities*, 14(5), 1–10.
- Norizan, Y. (2016). Pengurusan elemen psikologikal sebagai persediaan menghadapi bencana: Satu kajian kualitatif terhadap mangsa banjir di Kelantan. *Jurnal Psikologi Malaysia*, 30(2), 74–81.
- Nur Saadah, M. A., Nor Ba' Yah, A. K., Roseliza Murni, A. R., Hilwa, A., Noor Amalina, M. A. (2015). Bantuan dan persediaan bencana: Penilaian atribut resilien bagi mempromosi kesihatan mental dalam kalangan remaja dan dewasa mangsa banjir di Kelantan. *Laporan Akhir Persidangan Kajian Bencana Banjir 2014, Universiti Teknologi Malaysia: Kementerian Pendidikan Tinggi*, ms. 282–284.
- Rohani, N. (2015, Januari 2). Isu Psikologikal Kesan banjir di Kelantan. *Buletin Utama TV3* [Siaran Televisyen].
- Sarid, O., Anson, O., Yaari, A., & Margalith, M. (2004). Coping styles and changes in humourel reaction during academics stress. *Health and Medicine*, 9, 85–98.
- Siti Uzairiah, M. T. (2017). *Kajian kualitatif dan analisis temu bual*. Kuala Lumpur: Aras Publisher.
- Unit Perancang Ekonomi Negeri Kelantan, Jabatan Perdana Menteri. (2015). Kertas Pembentangan daripada Persidangan Pengurusan Bencana Banjir Kelantan 2015: Penyelesaian, Kerangka Kerja dan Pembangunan Lestari. Kubang Kerian, Kelantan: Universiti Sains Malaysia.
- Wadsworth, M. E., & Compas, B. E. (2002). Coping with family conflict and economic strain: The adolescent perspective. *Journal of Adolescent*, 12, 243–274.
- Wan Nik, W. Y. (2015). *Banjir Kelantan 2014: Satu musibah*. Dimuatturun daripada <http://pks.kelantan.gov.my/index.php/ms/?p=82>
- Wang, L. R., Chen, S. C., & Chen, J. (2013). Community resilience after disaster in Taiwan: A case study of Jialan Village with the strengths perspective. *Journal of Social Work in Disability & Rehabilitation*, 12, 84–101.